

Headline	TNB Research jalin kerjasama kilang Biomass		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Oct 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	46
ArticleSize	238 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,241		



TNB Research jalin kerjasama kilang Biomass

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB), menerusi TNB Research Sdn. Bhd., menjalin kerjasama dengan dua syarikat lain bagi mengendalikankan kilang demonstrasi pembersihan kekotoran tandan kosong buah sawit (EFB) yang digunakan dalam pengeluaran palet biomassa premium.

Palet berkenaan digunakan dalam usaha penjana tenaga.

TNB Research, anak syarikat milik penuh dan cabang penyelidikan dan pembangunan (R&D) TNB pada masa ini, menjalankan aktiviti penyelidikan dan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan pembangunan membabitkan sisa industri minyak sawit yang diubah kepada produk nilai tambah tinggi, kata TNB dalam kenyataan hari ini.

Pada Selasa lepas, TNB Research bersama dengan KEPRI, institut penyelidikan KEPCO yang merupakan utiliti elektrik terbesar Korea Selatan dan Detik Aturan Sdn. Bhd. (DASB), pengeluar palet biomassa Malaysia, telah melancarkan kilang demonstrasi tersebut yang merupakan kemudahan demon-



KILANG demonstrasi cucian air biomassa yang pertama di Malaysia.

strasi cucian air biomassa pertama seumpamanya di Malaysia.

Bercakap pada majlis pelancaran itu, Pengarah Urusan Detik Aturan, Khairil Annuar Khalid menyifatkan penglibatan syarikat dalam projek itu dari segi penyediaan lokasi kilang berkenaan sebagai bukti komitmen terhadap persekitaran lebih bersih dan sihat.

Sementara itu, Presiden KEPRI, Dr. Sung Hwan Bae berkata, sebagai peminat teknologi elek-

trik terkemuka Korea Selatan, institut itu gembira kerana dapat menyokong pengembangan palet biomassa bernilai tinggi yang berpotensi sebagai bahan bakar untuk penjana kuasa.

Pengarah Urusan Penyelidikan TNB, Ir. Dr. Zainul Asri Mamat pula berkata, pihaknya amat berterima kasih kepada teknologi baharu muncul yang menyaksikan perniagaan biomassa dunia mengalami era perubahan serba pesat. - BERNAMA